

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)73**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA  
YB TAN HOOI PENG**

73. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi menarik pelaburan baharu dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) dengan penekanan pada inovasi teknologi tinggi?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

73. Sektor Elektronik dan Elektrik (E&E) di Pulau Pinang terus menjadi penyumbang utama kepada eksport E&E negara dengan mencatatkan sumbangan sebanyak 58% pada tahun 2023. Dalam usaha untuk memacu pertumbuhan dan menarik pelaburan baharu, Kerajaan Negeri telah merangka pelan jangka panjang yang memberi fokus kepada tiga bidang utama di bawah Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS) iaitu 'IC design', '*advanced packaging*', dan '*equipment manufacturing*'.

Berikut adalah langkah-langkah yang diambil bagi menarik pelaburan baharu dalam tiga aktiviti utama ini:

(a) **Inisiatif Penang Silicon Design @5km+**

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif baharu yang bertujuan memfokuskan kepada pembangunan industri reka bentuk litar bersepadu (IC Design) di Pulau Pinang. Inisiatif ini terdiri daripada tiga komponen utama iaitu Taman Reka Bentuk IC & Digital Pulau Pinang, Akademi Reka Bentuk Cip Pulau Pinang dan Ruang Penyelidikan & Inkubasi Silikon. Untuk menarik dan menyokong lebih banyak pemain *IC Design* yang ingin menubuhkan dan mengembangkan operasi di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan akan menawarkan skim pakej insentif yang merangkumi subsidi bernilai sehingga RM2 juta setahun selama tiga tahun. Skim ini terbuka untuk syarikat reka bentuk IC tempatan dan asing yang beroperasi di Malaysia.

(b) **Fokus kepada Aktiviti ‘Front-End Semiconductor’ – Advanced Packaging**

Tumpuan utama Kerajaan Negeri akan terus diberikan kepada aktiviti berkaitan ‘*Front-End Semiconductor*’, khususnya dalam bidang ‘*advanced packaging*’ yang merupakan salah satu daripada fokus utama Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS). Pelan ini telah direalisasikan melalui kemasukan empat

projek pelaburan asing yang mempunyai kepakaran dalam aktiviti '*advanced packaging*', iaitu TF AMD, ASE, Intel, dan SPIL. Kehadiran empat syarikat terkemuka ini telah membantu memperkukuhkan ekosistem '*advanced packaging*' Pulau Pinang, menjadikannya sebagai destinasi utama untuk pelaburan dalam sektor ini.

(c) **Peningkatan Pusat Pembuatan Peralatan 'Front-End Semiconductor'**

Projek pelaburan daripada syarikat Lam Research, yang terkenal sebagai pembekal global peralatan dan perkhidmatan fabrikasi wafer untuk industri '*front-end semiconductor*', serta Ultra Clean Technology (UCT) yang membekalkan komponen penting kepada Lam Research bersama dengan beberapa syarikat pembekal global dan tempatan lain akan menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi utama dalam pembuatan peralatan '*front-end*'. Inisiatif ini memperkukuh kedudukan negeri ini sebagai pemangkin utama dalam industri semikonduktor '*front-end*', khususnya dalam sektor pembuatan peralatan.